

'HASIL NEGARA HENDAKLAH DIAGIH SECARA ADIL'

PM tak setuju Sabah mahu royalti minyak 50%

UM / 20 JAN 1990

KOTA KINABALU 19 Jan. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, hasrat sesetengah pihak di Sabah yang meminta royalti minyak sampai 50 peratus menunjukkan mereka tidak ada semangat Malaysia.

Perdana Menteri menegaskan, hasil negara hendaklah diagihkan secara adil dan tidak boleh dibolot oleh sesuatu negeri sahaja.

Beliau berkata demikian bila diminta mengulas desakan Pengarah Yayasan Sabah, Datuk Dr. Jeffrey Kitingan baru - baru ini supaya Sabah diberi 50 peratus royalti minyak.

Sambil menganggap desakan itu sebagai tidak bersemangat Malaysia, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata: "Secara kebetulan sahaja terdapat minyak di tempat - tempat tertentu, tetapi secara umumnya terdapat minyak di Malaysia.

"Kalau kita menganggap negara kita Malaysia, maka kita patut dapat membahagikannya secara adil."

Bercakap dalam sidang akhbar sebelum berle-

Oleh
Rosli Ismail

pas pulang ke Kuala Lumpur pagi ini, Perdana Menteri bertanya, jika hendak kira negeri, kenapa pula tidak ambil kira daerah.

"Kerana kalau minyak terdapat di Kota Belud, orang Kota Beludlah yang dapat 50 peratus," ujarnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah minyak secara kebetulan sahaja berada di situ (Sabah), bukannya diletakkan di situ.

Katanya: "Dulu tidak ada minyak di Sabah tetapi ada di Sarawak dan Sarawak sanggup bagi hasilnya kepada negeri - negeri lain.

"Kemudian minyak terdapat pula di Terengganu. Terengganu juga sanggup beri kepada negeri - negeri lain termasuk Sabah."

Perdana Menteri menarik perhatian, hasil usaha carigali yang dijalankan oleh kerajaan, kini minyak ditemui pula di Sabah.

"Jadi kalau giliran Sabah dapat, maka ketika itu Sabah hendak membolot semua, ini nampaknya tidak ada semangat Malaysia," tegasnya.

Sementara itu, Perdana Menteri yang berada di sini sejak semalam untuk merasmikan Perhimpunan Agung USNO menyifatkan dakwaan mengatakan bahawa ada pemimpin Kerajaan Pusat terlibat dalam usaha untuk menggulingkan Kerajaan PBS sebagai 'pandangan orang dan khabar - khabar angin sahaja.'

Katanya, beliau tidak menghiraukannya langsung sekalipun sedar adanya tuduhan seumpama itu dibuat.

"Tuduhan memang ada, Kerajaan Pusatpun boleh buat tuduhan bahawa ada kerajaan negeri yang tidak mengutamakan bantuan dari Kerajaan Pusat.

"Ini semua tuduhan. Saya sendiri tidak membuat tuduhan itu," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas dakwaan seumpama itu yang dikatakan dibuat sendiri oleh kalangan pemimpin Parti PBS yang kini memerintah Sabah.

Malah Ketua Menteri Sabah Datuk Joseph Pairin Kitingan baru-baru ini dipetik oleh akhbar-akhbar sebagai mendakwa ada pakatan oleh sebi-

LIHAT MUKA 2

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

PM TAK SETUJU SABAH MAHU ROYALTI MINYAK 50%

angan pegawai Kerajaan Pusat untuk menjatuhkan kerajaannya.

Beliau antara lain mempertikaikan tindakan Badan Pencegah Rasuah memperhebatkan siasatan di saat-saat menjelang pilihanraya kecil Ranau baru-baru ni dan tindak - tanduk Jabatan Penerangan yang kurang mem-

beri publisiti pada dirinya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata kalau hendak diambil kira, ada pula orang yang dakwa Kerajaan Sabah tidak suka pada Kerajaan Pusat.

"Ini semua pandangan orang, kita tidak mengambil kira ini, Kerajaan Pusat tidak hirau tuduhan

dan kitabar-khabar angin yang dibuat orang."

Ditanya tentang kegairahan sesetengah parti politik di Sabah yang suka melaung-laungkan konsep 'Sabah untuk orang Sabah', beliau berkata soal ini sama juga dengan minyak.

"Kita harus bersikap tolong

menolong. Kalau mahu hak kita untuk kita sahaja. Hak orang lain janganlah kita harap.

"Tetapi kalau macam ini berpecahlah kita. Tidak ada lagi Malaysia. Kita jadi negeri-negeri kecil. Biasanya negeri-negeri kecil senang ditindas," ujarnya.

Menyentuh tentang sama ada kerajaan hendak mengambil tindakan menahan orang-orang yang gemar memainkan isu perkauman dan agama di negeri ini di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, beliau berkata keadaan setakat ini belumlah sampai ke peringkat yang mudah.

Namun begitu, tambahnya kerajaan pasti akan bertindak jika mendapati suasana menjadi hangat seperti keadaan yang wujud sebelum Operasi Lalang pada bulan November 1987.

Ditanya tentang dakwaan bahawa Kerajaan Pusat tidak begitu tegas bertindak sekalipun kegiatan rasuah berleluasa di Sabah beliau menjelaskan tindakan tidak boleh diambil cuma berasaskan kepada syak wasangka sahaja dan tanpa bukti yang cukup.

Katanya, perkara seperti ini melibatkan siasatan perlu dibuat dan proses ini janganlah diambil sebagai satu tekanan politik.